

## BAB 7 KESIMPULAN

Hasil penyelidikan membuktikan bahawa tekstil dan kostum tradisional mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat Melayu Pantai Timur. Keistimewaananya bukan sahaja terpancar dari fungsinya sebagai pakaian harian, sebaliknya turut mempamirkan simbol status kedudukan seseorang. Kegemilangan Persalinan Melayu sering diperikan dalam persuratan Melayu lama yang digurindamkan melalui pantun-pantun, puisi dan hikayar-hikayat secara langsung atau dalam bentuk kiasan.

Kedudukannya yang istimewa ini menjadikan ia sesuatu bahan berharga dan milik keluarga yang dapat dibanggakan serta dipercayai mempunyai unsur-unsur kesaktian khususnya kain cindai dan pakaian yang bermotifkan kaligrafi Islam. Tekstil sutera mewah di istana Melayu khususnya melambangkan prestij dan status social yang tinggi serta menggambarkan perbezaan tahap golongan pemerintah dengan yang diperintah. Mutu dan kepadatan sulaman benang emas, warna tanah songket, ukuran dan kerumitan corak, digabungkan dengan pola dan motif tertentu hanya dikhaskan untuk golongan tertentu yang mencerminkan asas struktur istana diraja Melayu yang kompleks.

Tekstil dan pakaian Melayu telah melalui perkembangan seiring dengan kemajuan dan perubahan sejarah tamadun Tanah Melayu. Perkembangan ini telah menghasilkan berbagai jenis bahan tekstil dengan berbagai fungsi. Pada peringkat awal tekstil yang dihasilkan lebih kepada fungsi gunaan iaitu sebagai pakaian untuk keselamatan dan perlindungan dari sebarang cuaca. Perubahan gaya hidup dan

penemuan bahan-bahan baru, telah mengalihkan fungsi tekstil sebagai alat perlindungan semata-mata kepada beberapa fungsi lain seperti untuk kegunaan adat, lambang status sosial dan sebagai peralatan kegunaan rumah tangga. Akibatnya berbagai variasi tekstil dihasilkan dari berbagai jenis bahan digunakan dengan kaedah-kaedah pembuatan yang bersesuaian.

Penemuan bahan-bahan baru beserta perubahan citarasa masyarakat telah mengakibatkan kemunculan idea-idea baru dengan reka cipta yang lebih baik dan menarik. Walaupun perubahan berlaku ke atas reka bentuk tekstil ini, namun penenun-pnenun yang berpusat di Pantai Timur ini tetap menggunakan kaedah tradisi untuk menghasilkan karya-karya mereka hingga ke hari ini. Ternyata terdapat banyak perbezaan di antara kaedah tradisi dengan kaedah moden dalam penghasilan bahan-bahan tekstil hari ini khususnya dengan kemunculan bahan-bahan tiruan. Namun tidak dapat dinafikan kaedah tradisi mempunyai kelebihannya tersendiri, malahan teknik-teknik baru dengan peralatan yang lebih canggih tidak mampu menandingi keaslian dan keunikian persalinan Melayu ini.

Pada peringkat awal tekstil tradisi dihasilkan melalui proses tenunan biasa dengan menggunakan sumber-sumber semulajadi seperti benang sayuran dan pewarna asli yang terhad. Warna-warna asas digabungkan untuk menghasilkan reka corak baru. Kemunculan teknik ikat celup memperkayakan reka corak permukaan kain dengan menghasilkan reka corak pecahan limar/cindai yang menarik serta kain pelangi yang berwarna-warni. Pada dasarnya kain yang dihasilkan bernatarkan satu warna, berjulur, berpetak serta pecahan ikat celup. Kemudian berkembang dengan

penambahan reka corak motif yang bertekstura dari benang emas dan perak untuk menambahkan lagi seri dan nilai estetika pada persalinan.

Pola kain yang dihasilkan pula amat ringkas berbentuk geometrik yang berupa empat segi. Kaedah pemakaianya mudah dengan melilit pada badan dengan cara mengikat, membelit atau mengilas. Kapingan kain ini bukan sahaja untuk menutup badan sebaliknya juga digunakan mengendong anak, selimut, memanjat pokok dan menutup mayat. Kemudian dari sekeping kain yang tidak berjahit ini berkembang menjadi sarung yang disambung di kedua-dua hujung kain tersebut. Perubahan konsep lilit kepada sarung ini telah menyumbang kepada kemunculan pola-pola bentuk pakaian baru. Kemudian sedikit demi sedikit berkembang membentuk pola pakaian yang lebih komplek. Bermula dari sekeping kain yang dilipat dan ditebuk lubang lehernya kepada kepingan-kepingan panel geometrik. Panel-panel ini dicantumkan menjadi sehelai baju yang lebih selesa dan praktikal.

Kemasukan bahan-bahan baru oleh pedagang-pedagan asing turut membantu memperkayakan khazanah tekstil tradisi. Benang-benang sutera dibawa masuk untuk membuat pakaian golongan atasan. Kemudian disusuli pula dengan penggunaan benang metal emas dan perak yang mewarnai ragam hias persalinan Melayu. Oleh itu kaedah pembuatannya turut berubah demi menyesuaikan dengan kehalusan benang sutera dan menyungkit motif timbul emas atau perak.

Perubahan dalam reka bentuk persalinan turut mempengaruhi padanan dan cara pemakaianya. Butang-butang dan kerongsang mula dikenakan pada persalinan yang diperbuat dari kayu, tulang-tulang, benang-benang kain itu sendiri atau emas

perak bagi golongan atasan. Perkembangan dalam bidang metal secara tidak langsung turut mempengaruhi penghasilan barang-barang perhiasan diri dan peralatan senjata. Butang-butang emas dan kerongsang bukan sahaja berfungsi sebagai kancing malah membantu menaikkan lagi seri persalinan tersebut di samping menonjolkan status kedudukan pemakainya.

Pola reka bentuk awal kostum tradisi Melayu adalah longgar dan lurus hingga ke bawah atau pun kembang dari bahagian pinggang ke bawah (baju Riau Pahang). Kaedah pemakaiannya terbahagi kepada dua iaitu menyarung (baju kurung) dan mengenakkannya melalui bukaan hadapan (baju belah). Walaupun cara pakainya berbeza tetapi rangka polanya adalah lebih kurang sama iaitu terdiri dari cantuman panel-panel geometrik yang berbagai rupa. Pada asasnya kesemua kostum ini mempunyai pesak atau kekek Cuma perletakkan panel pesak sahaja berbeza. Bagi baju yang berbelah dipakai menggunakan kancing, butang atau kerongsang dengan jumlah yang ganjil. Keronsang hanya dikenakan sehingga ke paras pinggang sahaja bagi memudahkan pergerakan.

Manakala persalinan lengkap pula terdiri dari beberapa helai pakaian yang dipakai secara teratur. Meskipun ia dipakai berlapis-lapis namun ia tidak merimaskan dan penampilannya tidak bercelaru. Malahan kepadatan benang emas dan perak pada pakaian tidak mengganggu keselesaan pemakai sebaliknya kelihatan lebih terserlah gemerlapannya dan keanggunannya. Keselesaan dan keunikian persalinan ini adalah disebabkan oleh penggunaan bahan mentahnya yang seratus peratus dari bahan semulajadi dan asli tanpa campuran bahan kimia serta pola reka bentuknya. Reka bentuknya yang besar dan longgar seperti baju kurung adalah berhubung rapat

Tukang-tukang tenun amat peka kepada kehendak alam terutamanya dalam memilih bahan-bahan yang diperlukan untuk mereka menghasilkan tekstil yang bermutu tinggi dan bernilai. Mereka amat memahami tentang kekuatan dan kelemahan bahan-bahan yang digunakan seperti sifat-sifat benang, bahan-bahan pewarna dan peralatan tenun yang lain. Bahkan apa saja bahan yang ada dipersekutaran dapat dikuasainya kerana ilmu yang mendalam berasaskan pengalaman dan warisan turun-temurun. Selain dari itu penenun mencipta karya mereka berdasarkan pengamatan dan pengalaman mereka melalui perdampingan dengan alam persekitaran. Alam semulajadi bertindak sebagai pencetus ilham untuk mereka bekarya. Reka corak motif disusun mengikut kehendak alam berpandukan pengamatan dan rasa hormat pada keindahan alam yang dicipta oleh Allah (s.w.t). Reka corak motif tidak disusun sewenang-wenangnya sebaliknya mematuhi peraturan-peraturan tertentu, seperti pohon-pohon yang menjalar, bunga-bungaan disusun berdasarkan pengamatan terhadap alam sekitar dan diletakkan pada bahagian-bahagian tertentu pada bahan tekstil.

Bahan tekstil dan kostum merupakan satu aspek budaya benda yang paling menonjol dalam meninjau pengaruh dan hubungan Tanah Melayu dengan negara-negara luar. Reka bentuk, reka corak motif, penggunaan dan beberapa aspek lain jelas memaparkan adanya unsur-unsur pengaruh Hindu dan Islam khususnya yang terdapat pada persalinan golongan atasan. Pada peringkat awal situasi pemakaian adalah hampir sama diantara Wilayah di bawah pengaruh Hindu. Kaum wanita di wilayah budaya Melayu mengenakan sekeping kain empat persegi yang dipakai dengan cara membelit, mengikat atau menyelit serta mendedahkan seperti mana kain punca potong dan kain panjang sembilan. Pengaruh Hindu bukan sahaja dapat dilihat pada reka bentuk tetapi juga merangkumi aspek-aspek lain terutamanya penggunaan

motif, warna, cara pakai dan perhiasan. Kemasukan Islam secara dominannya banyak mengubah cara hidup masyarakat Melayu yang secara tidak langsung mempengaruhi cara berpakaian. Perubahan yang ketara ialah dari segi reka bentuknya yang lurus, longgar dan tidak mendedahkan aurat tanpa mengira status kedudukan. Malahan penggunaan motif turut mengalami perubahan dengan menolak unsur-unsur figura. Penggunaan motif flora dan kemunculan motif kaligrafi Arab telah menghiasi reka corak persalinan Melayu dengan meluasnya.

Pada zaman pra tamadun, penduduk-penduduk awal Tanah Melayu sudah mula membuat garisan atau ukiran-ukiran tertentu pada artifik-artifik gunaan. Bahkan telah mencipta bentuk-bentuk khas dan diterapkan hiasan-hiasan khas atau mewarna dengan warna-warna yang diperolehi dari persekitarannya. Ini bermakna pada zaman awal ini penduduk awal Tanah Melayu sudah mencipta motif-motif, pola dan corak pada pakaian mereka. Tekstil tradisi ini yang pada awalnya menitik beratkan kegunaan sedikit-demi sedikit mengalami perubahan disebabkan perubahan keinginan naluri yang inginkan sesuatu yang lebih baik dan cantik. Oleh yang demikian tidak hairanlah tekstil dan kostum tradisi ini sejak zaman berzaman telah melalui proses evolusi dan penggubahan penciptaannya yang ingin kelihatan lebih cantik dan indah (dengan '*aesthetic design*'). Maka hasil cipta yang dahulunya satu artifik yang hanya untuk kegunaan semata-mata telah dihias dan menjadi satu hasil cipta seni yang kreatif dan unik.

Bahan-bahan tekstil yang dihasilkan itu tidak dihasilkan secara kebetulan tetapi disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu yang mendorong atau mengawal proses penghasilannya. Tukang-tukang tenun atau tukang jahit tidak mencipta mengikut

impulse atau sambilewa tetapi mempunyai asas sandaran yang kukuh dalam menghasilkan ciptaannya. Umpamanya mempunyai pengalaman yang diwarisi sejak turun-temurun atau sesudah mendapat ilham. Mereka ini mempunyai daya imaginasi yang tinggi di mana mereka berkarya berdasarkan tindakbalas naluri terhadap benda-benda yang boleh ditanggap melalui deria. Sebagai contoh, mereka tidak meniru secara bulat-bulat apa yang mereka lihat tetapi mengolah pernyataan sendiri secara bebas dan ikhlas mengikut kreativiti masing-masing.

Tukang-tukang tenun ini secara tidak disedari telah mengutarakan sebahagian daripada prinsip-prinsip tertentu seperti bentuk, struktur-struktur '*composition*', imbalan warna dan nilai-nilai falsafah dalam hasil karya mereka. Bahkan mereka bijak mengeksplotasikan pembahagian ruang berpandukan keharmonian susunan ruang yang amat berkait dengan konsep ilmu hisab dengan membahagikan ruang-ruang tersebut mengikut peratusnya. Jika dilihat dari segi pengabungan rekacorak limar songket, ternyata perinsip-prinsip rekaan diolah dengan begitu seimbang sehingga menghasilkan limar songket yang gemilang.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sesetengah produk yang dihasilkan pada zaman dahulu mempunyai banyak fungsi. Orang-orang Melayu mempergunakan hasil ciptaan mereka dengan sebaik mungkin dan dapat dikongsi bersama. Sarung merupakan salah satu contoh yang paling nyata yang mempunyai berbagai fungsi dan dapat digunakan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira saiz badan, umur atau bila-bila masa. Malahan fungsinya masih kekal hingga ke hari ini serta masih popular dan digemari. Selain dari untuk dipakai, ianya juga dijadikan sebagai alat kegunaan rumahtangga dengan pelbagai fungsi. Begitu juga dengan selendang,

batik lepas atau kain sebar yang mempunyai rupa bentuk yang ringkas membolehkan ia digunakan dengan pelbagai tujuan seperti tudung atau lapik kepala, mengendong barang, kain berkeman dan upacara adat. Maka tidak hairanlah jika kita dapati penduduk Pantai Timur akan membawa kemana saja sarung, selendang atau kain sebar kemana saja apabila mereka keluar dari rumah.

Pada zaman dahulu lazimnya tukang-tukang tenun/jahit tidak membazir menggunakan bahan-bahan dalam menghasilkan ciptaan mereka. Boleh dikatakan mereka menghargai sumber-sumber yang ada dengan mengamalkan kitaran semula bahan-bahan yang telah digunakan. Konsep kitar semula ini jelas membayangkan bahawa mereka sangat arif tentang sifat-sifat bahan atau peralatan yang digunakan dan peka dengan tuntutan syariat yang menegah pembaziran.

Amalan kitaran semula ini juga turut dipraktikkan sepenuhnya terutama pada bahan-bahan atau peralatan tenun serta peralatan jahitan yang telah rosak. Jarum-jarum yang patah atau tidak boleh digunakan lagi diproses semula dengan mencairkannya untuk membuat jarum yang baru atau untuk menghasilkan barang lain. Begitu juga dengan bahan-bahan hiasan yang lain seperti butang-butang dan manik-manik yang berharga digunakan semula walaupun baju telah rosak atau tidak dapat dipakai lagi. Butang dan manik ini disimpan bersama baju tersebut tanpa menanggalkan jahitannya agar barang ini tidak rosak, berkarat atau terdedah pada cahaya. Apabila hendak digunakan pada pakaian yang baru, butang-butang ini akan digunakan semula dan ia masih kelihatan baru dengan warnanya yang masih kekal.

Selain dari itu, konsep penggunaan semula ini dipraktikkan juga keatas kain sarung. Bagi sarung yang lebih panjang khususnya batik sarung, dipotong pada bahagian hujungnya lebih kurang sejengkal dan disimpan. Sudah menjadi satu kebiasaan bagi tukang jahit di Pantai timur memotong dan menyimpan panel-panel sarung ini sehingga mencukupi jumlah untuk menghasilkan sehelai sarung yang baru. Panel-panel ini dicantum kesemuanya (lebih kurang di antara lapan hingga ke sepuluh panel) sehingga membentuk sehelai sarung yang berwarna warni dengan berbagai corak.

Konsep ini juga mampu menjimatkan penggunaan bahan jahitan seperti benang jahit. Bagi kain tenunan kain-kain lebihan dari membuat pakaian akan disimpan untuk mendapatkan benangnya. Kaedahnya dengan menggunakan benang pakan dari kain yang sama untuk menjahit pakaian tersebut. Hasilnya warna benang jahitan dan warna baju akan sama dan tidak perlu lagi bersusah payah untuk mendapatkan benang baru yang belum tentu warnanya menyamai pakaian yang hendak dijahit.

Selain dari itu konsep guna semula ini turut dipraktikkan dalam penghasilan warna kain. Warna-warna yang digunakan tidak terhad pada warna-warna asas sahaja malah terdapat pelbagai warna telah dihasilkan berdasarkan bahan-bahan yang terhad pada masa itu. Kelazimannya lebihan warna-warna asas yang telah digunakan akan disimpan dan dicampurkan dengan warna-warna lain untuk menghasilkan warna-warna yang baru. Umpamanya warna kuning boleh menjangkau '*shades of colours*' sehingga berpuluhan-puluhan.

Persalinan Melayu Kelantan turut memainkan peranan penting sebagai satu alat budaya benda yang bertindak sebagai bahan media atau sumber maklumat tentang kehidupan masyarakat Melayu tradisi. Di sebalik keindahannya terselit maksud-maksud tertentu yang mencerminkan ketinggian peradaban, kepercayaan dan amalan masyarakat Melayu Pantai Timur seperti yang digambarkan dalam reka corak sarung dan persalinan lengkap. Dari aspek visual setiap sudut artifak ini memaparkan maklumat-maklumat tertentu yang disampaikan dalam bentuk simbolik atau secara langsung. Paparan ini ditonjolkan dengan jelas melalui pernyataan elemen-elemen rekaan yang diolah dengan harmoni dalam bentuk motif, warna, reka bentuk, ragam hias, material dan padanan.

Tidak dapat dinafikan melalui imej tampak ini, beberapa perkara atau peralatan yang begitu signifikan kepada peradaban masyarakat Melayu ditonjolkan secara tidak langsung seperti keistimewaan kain cindai serta keris sebagai pelengkap persalinan. Elemen kain cindai dalam masyarakat Melayu tradisi adalah suatu simbol yang melambangkan status, kekeramatian, kemahiran tukang tenun dan kemampuan material itu secara spiritual. Malahan keris merupakan pelengkap persalinan dan sebagai alat senjata, tanpanya seseorang itu kelihatan tidak ‘gah’ dan tidak bertenaga. Dari sini membuktikan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan penampilan yang lengkap dan sempurna. Persalinan lengkap menggambarkan ketinggian peradaban Melayu dengan tidak membelakangi adat kesopanan, pegangan dan keterampilan.

Seterusnya kemunculan kaligrafi Islam juga telah membuktikan bahawa penggunaanya tidak terbatas di permukaan batu bersurat dan batu nisan semata-mata,

malahan semakin meluas apabila tulisan jawi dibentuk berdasarkan kaedah kaligrafi Islam pada permukaan tekstil serta persalinan Melayu. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu khususnya di Kelantan ini telah mengamalkan cara hidup Islam yang mendalam. Di sebalik keunikan kelok-kelok indah pada huruf-huruf Arab itu tidak dapat dinafikan bahawa fungsinya tidak terhad sebagai motif hiasan semata-mata tetapi lebih kearah pendidikan. Ketinggian nilai estetika yang terpancar dari kaligrafi Islam merupakan manifestasi dari roh Islam yang luhur. Gaya kufi dan thuluth digunakan dengan begitu meluas di permukaan tekstil tradisional Melayu ini mencerminkan kegemilangan Kerajaan Islam pada masa itu.

Hasil penyelidikan juga membuktikan bahawa persalinan Melayu dapat dihasilkan dengan lebih berkualiti melalui kaedah tradisi berbanding dengan kaedah moden. Proses membuatnya melalui banyak peringkat yang memerlukan perancangan teliti. Kemahiran merancang serta daya kreativiti tukang tenun tradisi telah mampu menghasilkan persalinan yang bermutu tinggi dan unik serta mementingkan kesempurnaan.

Selain dari itu kaedah tradisional ini penuh berseni dan bersimbolik. Dari bahan peralatan yang digunakan berukir indah, proses pembuatan yang halus dan merumitkan sehingga kepada cara pemakaianya sentiasa diselubungi nilai-nilai seni, berfalsafah dan berunsur spiritual. Ini membuktikan kaedah tradisional lebih mementingkan keindahan dan penampilan. Oleh yang demikian tidak hairanlah setiap aspek pembuatan diberi perhatian oleh tukang-tukang tenun dan mereka sentiasa selektif dalam memilih warna, motif dan jenis kain.